



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM-PROGRAM TAMBAHAN KEMAHIRAN DAN JANA PENDAPATAN OLEH MDEC UNTUK PEKERJA-PEKERJA INDUSTRI MEDIA YANG TERJEJAS AKIBAT COVID-19

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sentiasa komited dalam menangani kesukaran yang dihadapi industri media ketika ini berikutan wabak COVID-19 apabila terdapat syarikat media terpaksa mengecilkan operasi mereka. Situasi tersebut menyebabkan petugas media terpaksa menerima hakikat apabila perkhidmatan mereka ditamatkan oleh majikan yang terjejas akibat kesukaran itu.

Sebagai Kementerian yang menaungi industri media, saya ingin berkongsi beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh KKMM melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dalam membantu Rakyat bagi menambah kemahiran baharu sekaligus membolehkan mereka mencari pekerjaan serta menjana pendapatan secara dalam talian. Antara inisiatif dilaksanakan MDEC yang boleh dimanfaatkan oleh petugas industri media yang terjejas dan Rakyat Malaysia adalah seperti berikut:

1. Program Tenaga Kerja Dalam Talian Global (GLOW)

Program Tenaga Kerja Dalam Talian Global atau lebih dikenali sebagai GLOW telah dilaksanakan sejak 2017 dengan matlamat untuk memperkenalkan peluang kerjaya sebagai pekerja bebas (*freelancer*) yang mampu menjana pendapatan tinggi secara dalam talian. Menerusnya, peserta akan diberikan pendedahan, latihan dan bimbingan untuk mengenal pasti potensi dan minat masing-masing. Peserta juga akan didedahkan dengan platform-platform dalam talian yang boleh disertai.

Menerusi GLOW – PENJANA yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, ia merupakan program khas yang disediakan untuk membantu golongan pekerja dan individu yang terjejas berikutan penularan wabak COVID-19. Program GLOW – PENJANA memberi fokus dan spesifik bagi memastikan kadar kejayaan pelaksanaan program yang lebih tinggi. Program ini juga memberi tumpuan untuk mengeksport

kepakanan *freelancer* tempatan dan menyasarkan tugas-tugas atau kerja sepenuhnya di pasaran global.

Antara sektor yang akan diberikan tumpuan adalah sektor perkhidmatan seperti tugasan sebagai pembantu maya, pegawai penyelidik dalam talian, penterjemah, serta bidang kreatif seperti pereka grafik, alih suara dan bidang teknologi maklumat (ICT) seperti pengaturcaraan.

Berdasarkan statistik MDEC, sehingga tahun lalu seramai 29,225 orang peserta telah dilatih dan telah menjana pendapatan keseluruhan lebih RM168 juta. MDEC turut mempunyai 12 rakan platform global. Saya mengalu-alukan pekerja industri media yang terjejas supaya mendaftar dengan program ini.

2. Program PenjanaGig

MDEC turut bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi mengenal pasti kursus teknologi digital bersesuaian yang akan menjadi sebahagian daripada insentif pengambilan dan latihan PENJANA 2020. Menerusi inisiatif ini, mereka yang layak mendapat perlindungan sosial PenjanaGig akan disyaratkan untuk bekerja dengan syarikat berkaitan ekonomi gig yang berdaftar dengan MDEC. Pencari kerja yang berminat boleh melayari portal <http://www.myfuturejobs.gov.my>.

3. Jom Belajar Digital MDEC & Coursera

MDEC bersama platform pembelajaran dalam talian global iaitu Coursera telah melancarkan program Jom Belajar Digital di bawah inisiatif #MyDigitalWorkforce yang menawarkan sejumlah 3,800 kursus termasuk Sijil Latihan Profesional dan permohonan telah dibuka sehingga 31 Disember 2020.

Antara kursus yang ditawarkan termasuklah Automasi IT Google dengan *Python*, pengaturcaraan dan pengenalan Intel ke pembelajaran dalaman, serta laluan kerjaya yang boleh disertai oleh peserta seperti analisa data dan pembangunan perisian. Pendaftaran untuk kempen Jom Belajar Digital boleh dilakukan di www.mdec.my/letslearndigital.

4. Program 42 KL

Program 42 KL merupakan sekolah pengaturcaraan komputer percuma yang menawarkan konsep pembelajaran dengan rakan sebaya berasaskan projek sebenar tanpa melibatkan guru atau menghadiri kuliah. Program ini juga bertujuan mengembangkan kemahiran yang diperlukan bagi memulakan kerjaya sebagai jurutera perisian. Mereka yang berumur 18 tahun ke atas boleh mendaftar untuk menyertai

program ini. Pusat pertama di Malaysia akan dibuka di Sunway City, dan sehingga kini sebanyak 20 negara telah melaksanakan program ini.

5. Minggu #MyDigitalWorkforce

Minggu #MyDigitalWorkforce merupakan acara dalam talian yang akan berlangsung selama seminggu bermula 24 Ogos hingga 28 Ogos 2020. Program ini menampilkan beberapa siri webinar berkaitan peluang pekerjaan digital dan bertujuan untuk menggerakkan semula tenaga kerja tempatan dalam sektor ekonomi digital. Terdapat tiga komponen dalam program ini, iaitu sesi webinar, ekspo kerjaya secara digital, dan latihan dalam talian oleh rakan kongsi. Inisiatif ini turut melibatkan program bakat 3D yang merangkumi pembangunan, data, dan reka bentuk yang boleh dimanfaatkan oleh pencari kerja.

6. Direktori Latihan Kemahiran Digital

Bagi membantu Rakyat Malaysia memilih program latihan yang bersesuaian dengan keperluan dan minat masing-masing, MDEC akan melancarkan Direktori Latihan Kemahiran Digital pada bulan Ogos 2020. Program ini diyakini dapat membantu pencari kerja mempelajari kemahiran teknologi digital yang berkaitan dengan industri.

7. Biasiswa MyIndustry AI

MDEC juga akan memberi tumpuan kepada pengembangan bakat teknologi maklumat dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) dengan bekerjasama rapat dengan rakan industri di samping membina infrastruktur yang membolehkan ekosistem AI yang diyakini.

Berdasarkan inisiatif-inisiatif yang disebut di atas, saya berharap agar mereka yang terkesan dengan situasi semasa boleh memanfaatkan maklumat yang dinyatakan dan seterusnya membantu meringankan beban pengecilan operasi media akibat wabak COVID-19.

Maklumat berhubung inisiatif-inisiatif menambah kemahiran baharu oleh Kerajaan akan dihebahkan secara lebih meluas bagi membantu Rakyat yang terkesan melakukan lonjakan digital dan seterusnya mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
23 JULAI 2020**